

Usaha raja-raja menyatukan ummah **Pahang** rintis jalan

Oleh SARIHA MOHD ALI

BH 2 6 MAR 2000

PEKAN: Sultan Pahang akan mengadakan muzakarah dengan cendekiawan Islam serta menemui kadi dan ahli jawatankuasa (AJK) masjid di semua daerah di negeri ini dalam tempoh sebulan ini bagi merintis jalan menyatupadukan umat Islam yang berpecah kerana perbezaan fahaman politik.

Sambil menegaskan perpecahan umat Islam perlu dibendung segera, baginda bertitah:

“Di Pahang, saya sebagai ketua agama negeri akan bersama Tengku Mahkota yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Maip), melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini termasuk mengadakan muzakarah dengan cendekiawan Islam, selain menemui kadi dan AJK masjid di semua daerah.”

Sultan Ahmad Shah berkata demikian dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Khamis lalu, baginda mempengerusikan persidangan Majlis Raja-Raja Melayu di Kuala Lumpur dan dalam mesyuarat itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

memberi taklimat khas mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, Majlis Raja-Raja Melayu bersetuju sebulat suara untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah kerana perbezaan politik.

Sultan Ahmad Shah bagaimanapun menjelaskan program muzakarah tidak dibincangkan ketika baginda mempengerusikan persidangan itu.

“Tetapi saya akan buat di Pahang secepat

mungkin tanpa mengira fahaman politik,” titah baginda.

Baginda menegaskan nasihat dan tindakan yang diambilnya perlu dipatuhi rakyat.

“Apa saja yang tidak dipersetujui, boleh dibincangkan tanpa perlu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam termasuk memfitnah atau mencaci.

“Mengikut undang-undang, saya sebagai ketua agama negeri boleh menge-

luarkan perintah supaya diadakan undang-undang lain, bagi mengatur hal ehwal agama Islam di Pahang.

“Tetapi, setakat ini saya meminta rakyat mematuhi nasihat supaya bersatu. Saya juga merau khatib dan AJK masjid, memastikan khutbah yang dibaca pada setiap Jumaat, menggunakan teks yang disediakan Jawatankuasa Fatwa Pahang

“Saya tidak faham kenapa khutbah yang diadakan Jawatankuasa Fatwa yang dipengerusikal Mufti yang saya lantik dan AJKnya yang ari mengenai agama, tidak dibaca untuk faedah ummah Islam,” tegasnya.

Sultan Pahang menyifatkan tindakan pihak tertentu menyalahgunakan masjid sebagai tidak wajar kerana kerajaan pilihan rakyat sudah ditubuhkan menerusi pilihan raya dan pemimpin sudah ditentukan.

Titah baginda fikiran rakyat tidak seharusnya dirosakkan dengan ceramah yang bercanggah dengan ajaran Islam.

“Agama Islam sebenarnya dapat menyatupadukan ummah dan contoh paling jelas dapat dilihat ketika musim haji yang menghimpunkan semua umat Islam tanpa mengira darjat dan warna kulit berkumpul di Makkah menunaikan ibadat.

LIHAT MUKA 2

Pahang rintis jalan

DARI MUKA 1

“Jadi, tidak wajar kita bersengketa, berpecah sesama sendiri hanya kerana perbezaan fahaman politik,” titah baginda sambil menambah sejak 25 tahun pemerintahannya, perpecahan seperti ini hanya berlaku sekarang.

Baginda hairan bagaimana perkara itu boleh berlaku, sedangkan kerajaan negeri sudah memenuhi semua permintaan rakyat termasuk membina banyak kemudahan seperti sekolah, jalan raya, bekalan air dan elektrik untuk keselesaan hidup rakyat.

“Saya malu kerana kita bertelingkah sesama sendiri. Sebenarnya musuh paling berbahaya ialah nafsu dan dosa paling berat, fitnah.

“Kita cukup sifat dan tahu menilai antara yang buruk dan baik. Saya tidak mahu rakyat diugut, atau ditakut-takutkan,” tegas baginda.